



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

8/2024

## SIARAN MEDIA

### MARI BELI LOKAL RAMADAN & RAYA DI MYMALL RANCAKKAN EKONOMI DIGITAL

---

**PUTRAJAYA** - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menyasarkan RM2.5 juta hasil jualan usahawan tempatan melalui Kempen Mari Beli Lokal – Ramadan & Raya Tahun 2024. KUSKOP memperkenalkan kempen Mari Beli Lokal - Ramadan & Raya untuk kali kedua susulan kejayaan kempen tersebut pada tahun 2023 yang meraih nilai jualan sehingga RM2.5 juta. Seperti tahun 2023, kempen Mari Beli Lokal - Ramadan & Raya turut dikuasakan oleh platform digital tanpa caj iaitu MyMall.

Hampir 500 usahawan dijangka akan menyertai Kempen Mari Beli Lokal - Ramadan & Raya pada kali ini yang menawarkan pelbagai produk seperti pes masakan segera, produk runcit, pakaian raya dan kuih raya. Kempen ini juga disertai jenama-jenama terkenal seperti Lima Waktu, Bulan Bintang, Shasya Habib, Primavalet, Bunga, Nur Aisyah, Ola Oli, V3, SKNN, Qi Rahman dan Agarbomb.

YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata, sebagaimana pelaksanaan pada tahun 2023, Kempen Mari Beli Lokal Ramadan & Raya ini bertujuan menarik sokongan orang ramai kepada produk tempatan yang dikeluarkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta koperasi di negara ini. Melalui adaptasi jualan dalam talian dengan menggunakan platform MyMall, secara langsung inisiatif ini membantu proses pendigitalan PMKS dan koperasi di Malaysia.

Usahawan dan koperasi tempatan yang ingin mengembangkan perniagaan mereka dijemput untuk menyertai platform jualan digital MyMall dengan mendaftarkan perniagaan mereka di [www.mymallmalaysia.my](http://www.mymallmalaysia.my). Manakala bagi yang berminat mendapatkan kelengkapan Ramadan dan Raya seperti makanan, pakaian, perhiasan dan pelbagai keperluan lain boleh membuat pesanan menerusi [www.mymallmalaysia.my](http://www.mymallmalaysia.my) atau aplikasi MyMall 2.0 yang boleh dimuat turun di PlayStore atau AppStore.

Selain menyediakan platform e-dagang tanpa caj, MyMall turut menawarkan akses terhadap pembangunan kapasiti, pembiayaan perniagaan dan pemasaran kepada usahawan dan koperasi tempatan.

KUSKOP terus komited dalam membantu pembangunan usahawan dan koperasi dengan pelbagai inisiatif terkini dan berimpak tinggi. Langkah ini bertepatan dengan konsep Malaysia MADANI, iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**27 Mac 2024**

---

Pertanyaan Media:

Encik Rozer bin Masudin  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
No. Tel: 012-242 5481 E-mel: [ukk@kuskop.gov.my](mailto:ukk@kuskop.gov.my)